

WARTA AKADEMI DBP (APRIL-JUN 2020)

MAKLUMAT RASMI AKADEMI DBP BIL. 16/4-6/2020

A. MESYUARAT DENGAN PENERUSI LEMBAGA PENGELOLA YANG BAHARU DILANTIK DENGAN PENGURUSAN DBP

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 28 Mei 2020 telah diadakan mesyuarat dengan Pengerusi Lembaga Pengelola yang baharu dilantik, iaitu Prof. Datuk Dr. Awang Sariyan di Bilik Tun Perak, Aras 29, Menara DBP. Pelantikan ini berkuat kuasa pada 22 Mei 2020 dan tempoh pelantikan beliau adalah selama tiga tahun. Ketua Pengarah DBP, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) DBP, Pengarah-pengarah Jabatan dan semua Ketua Bahagian di Dewan Bahasa dan Pustaka menghadiri mesyuarat ini. Akademi DBP diwakili oleh Ketua Akademi DBP, Hj. Abd. Halim bin Haji Harun.

B. PELAKSANAAN KELAS *E-LEARNING* UNTUK KURSUS SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA TAHAP 3 BIDANG EDITORIAL

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa kelas *e-learning* untuk Kursus Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 (SKM 3) bidang Editorial telah dilaksanakan pada 22 Mei 2020. Kelas *e-learning* ini dilaksanakan mulai 22 Mei 2020 hingga 12 Jun 2020 dengan menggunakan aplikasi Google Meet dan Google Classroom. Sementara kelas bersemuka pula dilaksanakan mulai 15 Jun 2020.

C. PERBINCANGAN DENGAN PROFESOR EMERITUS DATO' DR. ISAHAK BIN HARON

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 28 Mei 2020 telah diadakan mesyuarat dengan Profesor Emeritus Dato' Dr. Isahak bin Haron di Bilik Mesyuarat Lembaga Pengelola, Aras 30, Menara DBP. Tujuan perbincangan ini diadakan adalah untuk membincangkan modul Kursus Bahasa Melayu. Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengelola, Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) dan Ketua Akademi DBP.

D. PERBINCANGAN DENGAN PLANETMAHIR.COM

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 10 Jun 2020 telah diadakan perbincangan dengan Planetmahir.com. Tujuan perbincangan ini diadakan adalah untuk membincangkan tatacara pengendalian kursus anjuran Akademi DBP dalam talian. Perbincangan ini diadakan di Bilik Mesyuarat Akademi DBP, Aras 4, Wisma DBP yang dihadiri oleh Ketua Akademi DBP, Dato' Dr. Ahmad Ramzi bin Mohd Zubair dan semua staf Akademi DBP.

E. MESYUARAT KERANGKA STANDARD BAHASA MELAYU (KBSM) SECARA DALAM TALIAN BIL. 2/2020 DI BAWAH INISIATIF 108 PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU KPM

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 1 Jun 2020 telah diadakan Mesyuarat Kerangka Standard Bahasa Melayu (KBSM) Secara Dalam Talian Bil. 2/2020 di bawah Inisiatif 108 Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu KPM. Mesyuarat ini dihadiri oleh para pensyarah dari Insititut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Dato' Razali Ismail, IPG Kampus Kota Baharu, IPG Kampus Ipoh, IPG Kampus Bahasa Melayu Kuala Lumpur. Sementara DBP diwakili oleh Dr. Dahlina binti Daut @ Mohmud.

F. PEMBENTANGAN KERTAS DALAM MESYUARAT PENGURUSAN BIL.14/2020

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 9 Jun 2020 terdapat dua kertas yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Bil. 14/2020. Kertas tersebut bertajuk Memorandum daripada Menteri Pendidikan: Penubuhan Majlis Bahasa Melayu dan Kertas Pemakluman dan Perakuan: Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM). Kedua-dua kertas ini dibentangkan oleh Dr. Dahlina binti Daut @ Mohmud.

G. BENGKEL PEMURNIAN KERTAS CADANGAN KAEDAH PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN SECARA MAYA

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 16 Jun 2020 telah diadakan bengkel pemurnian Kertas Cadangan Kaedah Pelaksanaan Pengajaran dan Pemudahcaraan Secara Maya yang disediakan oleh Dr. Rossilawaty binti Sheriff. Kertas ini akan dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Bil.15/2020 pada 18 Jun 2020. Bengkel ini dihadiri oleh Ketua Akademi DBP dan semua pegawai Akademi DBP.

H. BENGKEL PENGENDALIAN KURSUS DALAM TALIAN BERSAMA-SAMA PLANET MAHIR. COM

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 16 Jun 2020 telah diadakan bengkel Pengendalian Kursus dalam Talian bersama-sama Planetmahir.com di Bilik Latihan 1, Aras 4, Wisma DBP. Bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan dan tatacara pengendalian kursus dalam talian. Bengkel ini dihadiri oleh semua staf Akademi DBP, pegawai dari Bahagian Sistem Maklumat dan Bahagian Multimedia. Fasilitator yang mengendalikan bengkel ini ialah Puan Zahariah binti Zainal Aminuddin dan Puan Kartini binti Ariffin.

I. MESYUARAT PENYELARASAN BAHAN PEMBENTANGAN JAWATANKUASA INDUK DASAR MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU DAN MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS (MBMMBI) BIL. 1/2020

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 17 Jun 2020 telah diadakan Mesyuarat Penyelarasan Bahan Pembentangan Jawatankuasa Induk Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) Bil. 1/2020 di Bilik Mesyuarat Sri Duta, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Petaling Jaya. Mesyuarat ini dihadiri oleh peserta yang mewakili jabatan di Kementerian Pendidikan Malaysia, manakala DBP diwakili oleh Dr. Dahlina binti Daut @ Mohmud.

J. MESYUARAT PEMBANGUNAN KURSUS DALAM TALIAN DENGAN BAHAGIAN KEWANGAN DAN BEKALAN DBP

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 17 Jun 2020 telah diadakan Mesyuarat Bahagian Kewangan dan Bekalan DBP untuk membincangkan isu berkaitan dengan bayaran kursus anjuran Akademi DBP dan bayaran yuran Pusat Bertauliah. Mesyuarat ini diadakan di Bilik Mesyuarat Akademi DBP, Aras 4, Wisma DBP. Mesyuarat ini dihadiri oleh pegawai Akademi DBP dan pegawai Bahagian Kewangan dan Bekalan.

K. MESYUARAT PENGURUSAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BIL. 15/2020

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 18 Jun 2020 terdapat satu kertas yang dibawa oleh Akademi DBP untuk mendapat kelulusan Mesyuarat Pengurusan Bil. 15/2020. Kertas tersebut ialah Kertas Cadangan Kaedah Pelaksanaan Pengajaran dan Pemudahcaraan Secara Maya. Kertas ini dibentangkan oleh Ketua Akademi DBP, Hj. Abd. Halim bin Haji Harun.

L. PERBINCANGAN PENYELIDIKAN SIJIL KECEKAPAN BAHASA MELAYU UNTUK WARGA ASING (SKBMW)

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 18 Jun 2020 telah diadakan perbincangan dalam talian tentang penyelidikan Sijil Kecekapan Bahasa Melayu untuk Warga Asing (SKBMW). Perbincangan ini dihadiri oleh para pensyarah dari Universiti Utara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Perguruan Sultan Idris.

M. MESYUARAT KALENDAR AKADEMI DBP

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 19 Jun 2020 telah diadakan Mesyuarat Kalendar Akademi DBP bagi menyusun semula jadual kursus-kursus anjuran Akademi DBP. Mesyuarat ini diadakan di Bilik Mesyuarat Akademi DBP, Aras 4, Wisma DBP. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua pegawai Akademi DBP.

N. MESYUARAT JAWATANKUASA BAHASA DAN SASTERA

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 22 Jun 2020 telah diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Bahasa dan Sastera secara dalam talian. Terdapat dua kertas yang dibentangkan, iaitu kertas Memorandum daripada Menteri Pendidikan: Penubuhan Majlis Bahasa Melayu dan Kertas Pemakluman dan Perakuan: Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM). Kedua-dua kertas ini dibentangkan oleh Dr. Dahlina binti Daut @ Mohmud.

O. BENGKEL PEMURNIAN KERTAS AKADEMI SASTERAWAN HARAPAN (ASAHAN)

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 23 dan 25 Jun 2020 telah diadakan bengkel Pemurnian Kertas Akademi Sasterawan Harapan (Asahan) di Bilik Mesyuarat Akademi DBP, Aras 4, Wisma DBP. Semua staf Akademi DBP menghadiri bengkel pemurnian ini.

P. BENGKEL KERJA PENYELIDIKAN KERANGKA STANDARD BAHASA MELAYU (KSBM) SIRI 2/2020 DI BAWAH INISIATIF 108 PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU KPM

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 24–26 Jun 2020 telah diadakan Bengkel Kerja Penyelidikan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) Siri 2/2020 di Bawah Inisiatif 108 Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu KPM di Bilik Simulasi Bestari, Aras 2, IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk melaporkan kemajuan penyelidikan KSBM yang sedang dilaksanakan mengikut tajuk masing-masing. Selain itu, peserta juga dikehendaki melengkapkan kajian tersebut untuk dibentangkan pada tarikh yang akan ditentukan kemudian. Bengkel ini disertai oleh para pensyarah dari IPTA dan IPTS dari seluruh Malaysia, manakala DBP diwakili oleh Dr. Dahlina binti Daut @ Mohmud.

Q. MESYUARAT DENGAN PLANETMAHIR.COM

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 24 Jun 2020 telah diadakan mesyuarat dengan Planetmahir.com pada 24 Jun 2020 di Bilik Mesyuarat Akademi DBP, Aras 4, Wisma DBP. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membangunkan kursus dalam talian dengan menggunakan kaedah *video on demand*. Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengarah Syarikat Planetmahir.com, pegawainya dan semua staf Akademi DBP.

R. BENGKEL PENYEDIAAN PAPAN CERITA UNTUK KURSUS DALAM TALIAN

Dengan ini disiarkan untuk pengetahuan umum bahawa pada 29 Jun 2020 telah diadakan Bengkel Penyediaan Papan Cerita untuk Kursus dalam Talian di Bilik Mesyuarat Akademi DBP, Aras 4, Wisma DBP. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menyediakan papan cerita untuk kursus dalam talian bagi kursus-kursus yang popular anjuran Akademi DBP dengan menggunakan kaedah *video on demand*. Mesyuarat ini dihadiri oleh semua staf Akademi DBP.